



BORANG PENYERTAAN
MAJLIS HAFAZAN AL-QURAN (PERINGKAT SARINGAN)
TAHUN 1447H / 2026M



Catatan:

1. Borang penyertaan ini hendaklah diisi dengan **betul** dan **lengkap**. Borang yang **tidak lengkap** boleh menyebabkan permohonan **ditolak**.
2. Borang penyertaan hendak disertakan bersama **1 keping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan dan salinan muka hadapan buku bank (Akaun Tabung Haji dan ASB tidak dibenarkan)**.
3. Tarikh tutup penyertaan : **04 Disember 2025 (Khamis)**
4. **Tarikh Majlis Hafazan Al-Quran (Peringkat Sarangan) pada : (21 - 25 Disember 2025)**

Sertakan
1 keping gambar
berukuran
passport
(Terbaru)

1. KATEGORI YANG DISERTAI:-

**(Sila tandakan [X] dalam petak yang berkenaan)*

☐	TAHAP 1 (1 - 10 JUZUK DAN TARANNUM)
☐	TAHAP 2 (1 - 20 JUZUK)
☐	TAHAP 3 (1 - 30 JUZUK DAN TAFSIR)

Peserta:

☐	LELAKI
☐	PEREMPUAN

2. MAKLUMAT PEMOHON:-

Nama Pemohon (Dalam Tulisan Rumi)			
Nama Pemohon (Dalam Tulisan Jawi)			
No. Kad Pengenalan	<i>*(Sila sertakan 1 salinan kad pengenalan)</i>	Umur	
Tarikh Lahir		Tempat Lahir	
Alamat Rumah			
Nama & Alamat Sekolah			
No. Telefon	(Pej.) :	(Rumah) :	(H/P) :
E-mail			

3. MAKLUMAT BANK:-

**(Sila lampirkan salinan penyata bank. Akaun Tabung Haji dan ASB tidak dibenarkan)*

Nama Bank		No. Akaun Bank	
Alamat Bank			

4. MAKLUMAT AKADEMIK:-

Pencapaian	Institusi	Tahun
UPSR		
SRP / PMR / PT3		
SPM / SPMV		
STPM / STAMP / DIPLOMA		
IJAZAH / MASTER / PHD		

5. MAKLUMAT WARIS:-

Nama Waris :

Hubungan :

No. Telefon : (R) (H/P)

6. PENGAKUAN:-

Adakah anda pernah menyertai Majlis Tilawah Dan Menghafaz Al-Quran pada tahun-tahun sebelumnya?

YA	
TIDAK	

Jika "YA" sila nyatakan butiran berikut:-

PERINGKAT YANG DISERTAI	TAHUN	SARINGAN / NEGERI / KEBANGSAAN
1 - 10 Juzuk dan Tarannum		
1 - 20 Juzuk		
1 - 30 Juzuk dan Tafsir		

Saya mengaku bahawa segala kenyataan yang diberikan adalah **BENAR** dan **BETUL**. Jika didapati kenyataan saya **TIDAK BENAR** dan **TIDAK BETUL**, maka penyertaan saya akan dibatalkan.

.....
Tandatangan Pemohon

.....
Tarikh

7. PENGESAHAN IPT/PENGETUA/GURU BESAR/MUDIR:-

Adalah disahkan bahawa peserta di atas adalah **PELAJAR** di institusi ini.

.....
Tarikh

.....
Tandatangan & Cop
IPT/Pengetua/Guru Besar/Mudir



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN

MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT NEGERI KELANTAN TAHUN 1447H/2026M

A. SYARAT-SYARAT UMUM KATEGORI HAFAZAN:

1. Warganegara Malaysia yang beragama Islam (Keutamaan kepada anak Kelantan) berdasarkan:
 - i. **Sijil Kelahiran**, atau
 - ii. **Alamat** yang tertera di **kad pengenalan**, atau
 - iii. **Bermastautin** dalam **Negeri Kelantan** sekurang-kurangnya **satu tahun (1 tahun)** sebelum majlis saringan diadakan.
2. Berumur **tidak kurang dari 13 tahun** dan **tidak melebihi 25 tahun** pada tarikh Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.
3. Peserta juga hendaklah tidak menjadi hakim hafazan di mana-mana peringkat daerah dan negeri anjuran Kerajaan Negeri.
4. Setiap peserta dikehendaki hadir dalam majlis pengundian bagi menentukan giliran membaca dan tidak boleh mewakilkannya kecuali dalam keadaan yang amat mustahak dan mendapat kebenaran daripada pihak Urusetia.
5. Keputusan undian adalah muktamad. Peserta tidak dibenarkan sama sekali menukar giliran membaca atau ayat yang hendak dibaca selepas pengundian dibuat.
6. Peserta hendaklah:
 - i. Berada di lokasi majlis sekurang-kurangnya **30 minit** sebelum majlis bermula.
 - ii. Berada di ruang menunggu sekurang-kurangnya **15 minit** sebelum giliran membaca.
7. Peserta lelaki hendaklah berpakaian baju kebangsaan lengkap manakala peserta wanita hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan serta Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah. Peserta wanita tidak dibenarkan memakai penutup muka/ niqab/ purdah semasa mempersembahkan bacaan dan semasa majlis penyampaian hadiah.
8. Setiap peserta hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Urus Setia Induk dari semasa ke semasa.

B. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KATEGORI HAFAZAN:

➤ Tahap Satu (1 hingga 10 Juzuk dan Tarannum)

- ❖ Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
- ❖ Peserta yang pernah mendapat Johan Tahap Satu di Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) atau pernah mengambil bahagian dalam Tahap Dua atau Tiga, tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini.

➤ **Tahap Kedua (1 hingga 20 Juzuk)**

- ❖ Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini di MTHQNK sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
- ❖ Peserta yang pernah mendapat Johan Tahap Dua di Majlis Tilawah Dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) atau pernah mengambil bahagian dalam Tahap Tiga tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini.

➤ **Tahap Tiga (1 hingga 30 Juzuk dan Tafsir)**

- ❖ Peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam tahap ini sebanyak 3 kali (berturut-turut atau berselang).
- ❖ Peserta tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Tahap Satu dan Dua.
- ❖ Peserta yang telah menyandang Johan Tahap Tiga sebanyak dua kali tidak dibenarkan menyertai MTHQNK bagi kategori hafazan.
- ❖ Peserta yang telah menyandang Johan MTHQA kategori hafazan tidak dibenarkan menyertai MTHQK bagi kategori hafazan.

C. PERATURAN UMUM KATEGORI HAFAZAN

1. Peserta dikehendaki mempersembahkan hafazan secara murattal menurut riwayat Hafs 'an 'Asim dari Tariq as-Syatibiyyah.
2. Setiap peserta hendaklah mengundi ayat-ayat hafazan pada waktu yang ditetapkan oleh Urus Setia.
3. Ayat soalan akan dikemukakan tanpa menyebut atau menyatakan nombor ayat, nama surah, juzuk dan muka surat.
4. Peserta dikehendaki membaca ayat hafazan berdasarkan arahan Hakim Fatih dengan kadar 10 baris dalam tempoh 2 minit. Pengiraan masa bermula daripada bacaan ayat hafazan. Bagi peserta yang memohon pengulangan soalan, masa dikira sejurus Hakim Fatih membaca soalan.
5. Bagi soalan tarannum, peserta dikehendaki membaca ayat hafazan berdasarkan arahan Hakim Fatih dalam tempoh 4 minit. Bacaan akan ditamatkan dalam tempoh 2 minit sekiranya peserta membaca secara murattal.
6. Bagi bahagian tafsir, peserta hendaklah memberi jawapan sejurus soalan dikemukakan. Peserta dianggap gagal sekiranya tidak mula menjawab selepas 15 saat dan tiada ulasan atau penilaian oleh Hakim terhadap jawapan peserta.
7. Hakim Fatih akan menamatkan bacaan dengan kalimah Hasbuk atau Sadaqallah al-Azim. Hakim Fatih juga boleh menamatkan bacaan pada bila-bila masa sekiranya perlu.
8. Saguhati dan sijil penyertaan **tidak akan diberikan** kepada peserta (Peringkat Saringan) yang mendapat **markah bawah 50%**.

CARA MEMOHON:

1. Pemohon dikehendaki mengisi borang penyertaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan. Borang penyertaan juga boleh dimuat turun melalui laman web: **<https://jaheaik.kelantan.gov.my>** dan juga laman Facebook: **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan**.
2. Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah mendapat pengesahan dan dihantar bersama-sama dokumen-dokumen berikut ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK):
 - Gambar Berukuran Passport
 - Salinan Kad Pengenalan
 - Salinan Akaun Bank
 - Surat Akuan Mastautin (bagi yang berkenaan sahaja)
3. **Tarikh tutup** penyertaan pada **04 Disember 2025 (Khamis)**.
4. Penyertaan akan **dibatalkan** sekiranya borang penyertaan **tidak lengkap** dan/atau **tidak memenuhi syarat** yang telah ditetapkan.

-----Sekian-----

**Unit Pengurusan Majlis,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan**
Kompleks Islam Darulnaim, Jalan Sultan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel (Pej.) : 09-744 3633 (samb 130 / 132) Fax : 09-744 6685
E-mail: p.majlisjaheaik@gmail.com

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
En. Mohd Norhasdi bin Hashim (013-991 6767)
En. Muhammad Hisyamsudin bin Abd Aziz (014-832 5965)
Pn. Wan Norsyila binti Wan Muthfa (016-916 9787)